



## NOTIS AMARAN

Semua kemalangan hendaklah dilaporkan kepada Pihak Polis dalam jangkamasa 24 jam.

## JENIS PERLINDUNGAN

### MANA-MANA YANG BERIKUT BOLEH DITERIMA PAKAI:

KOMPREHENSIF - Seksyen A & B dalam polisi ini diterima pakai;

PIHAK KETIGA SAHAJA - Hanya Seksyen B diterima pakai.

SEMUA PENGENDORSAN, FASAL ATAU WARANTI YANG DILAMPIRKAN SECARA BERASINGAN PADA POLISI INI JUGA DITERIMA PAKAI.

## PERJANJIAN KITA

### Kontrak Insurans Komersial (Insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keenggan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans Anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

## SEKSYEN A - KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA

### 1. Kami akan melindungi Anda sekiranya Kenderaan Anda rosak atau hilang dalam keadaan berikut:

- (a) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan,
- (b) berlanggar atau terbalik akibat kerrosakan mekanikal,
- (c) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh,
- (d) rosak akibat dihempap oleh objek jatuh, dengan syarat tidak bersabit dengan banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain,
- (e) kebakaran, letupan atau kilat,
- (f) pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian,
- (g) perbuatan niat jahat,
- (h) semasa dalam transit (termasuk semasa pungah memungah) melalui:
  - (i) jalan raya rel laluan air pedalaman
  - (ii) laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dengan Semenanjung.

### 2. Asas Penyelesaian

- (a) Kami akan, mengikut pilihan Kami
  - (i) membayar kos memperbaiki Kenderaan Anda, atau
  - (ii) membayar secara tunai, amaun kerugian atau kererosakan Kenderaan Anda, atau
  - (iii) membaik pulih atau mengganti Kenderaan Anda.
- (b) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar ialah nilai pasaran Kenderaan Anda pada masa kerugian, atau jumlah diinsuranskan dalam Polisi, mengikut yang mana lebih rendah.
- (c) Sekiranya Kenderaan Anda, pada masa berlakunya kerugian atau kererosakan, diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasarnya, maka Anda hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaruan setimpal bagi kerugian itu. Dengan syarat, ianya tidak akan diterima pakai melainkan nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian melebihi jumlah yang diinsuranskan sebanyak 10% atau lebih.
- (d) Nilai pasaran Kenderaan Anda akan ditentukan, sekiranya berlaku pertikaian, oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais, dan nilai ini hendaklah sama dengan kos pembelian kenderaan gantian dengan buatan, model dan usia yang sama dengan Kenderaan Anda pada masa kerugian.

- (e) Sekiranya tidak ada Pemegang Francais untuk buatan Kenderaan Anda, maka nilai pasaran kenderaan akan ditentukan oleh Pelaras Kerugian yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya yang dipersetujui bersama oleh Anda dan Kami.
- (f) Penilaian yang dibuat oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais yang berkenaan atau Pelaras Kerugian yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya akan menjadi bukti muktamad berhubung dengan nilai pasaran Kenderaan Anda untuk sebarang prosiding undang-undang terhadap Kami.
- (g) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar bagi kos pembakian terhadap Kenderaan Anda adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan Kenderaan Anda kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang sehampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan, Anda akan menanggung bahagian "betterment" atas pengantian alat francais mengikut skala berikut:

<u>Umur Kenderaan/Tahun</u>	<u>Kadar untuk "Betterment" Tidak melebihi % berikut</u>
Kurang dari 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan umur kenderaan:

<u>Umur kenderaan berdasarkan pada:</u>	
Kenderaan Baru	Tarikh Pendaftaran
Kenderaan tempatan terpakai/telah digunakan	Tarikh Pendaftaran Asal
Kenderaan Import terpakai/telah digunakan	Tahun Buatan
Kenderaan Import "reconditioned"	Tahun Buatan

Pengenaan "betterment" adalah atas budi bicara Kami. Skala "Betterment" merupakan kadar maksimum "betterment" yang boleh diguna pakai.

#### 3. Pengangkutan Kenderaan Yang Rosak

Kami akan membayar Anda sehingga maksimum RM200.00 sebagai Upah Tunda untuk membawa Kenderaan Anda, sama ada ke Bengkel Membaiki Kenderaan yang terdekat, atau menunda kenderaan untuk diantar pulang ke alamat Anda seperti dinyatakan di dalam Jadual, atau menunda ke tempat selamat untuk disimpan, dengan syarat kerosakan Kenderaan Anda diakibatkan oleh keadaan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen ini.

#### 4. Pengecualian kepada Seksyen A

**Kami TIDAK akan membayar bagi:**

- (a) segala kerugian turutan.
- (b) kehilangan kegunaan Kenderaan Anda.
- (c) susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kelesuan logam, kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, kegagalan atau pecahnya mana-mana bahagian Kenderaan Anda kecuali pecahnya cermin hadapan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/mewarna, jika ada.
- (d) kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat.
- (e) kerosakan disebabkan oleh letupan apa-apa dandang yang menjadi sebahagian daripada atau dipasang pada atau atas Kenderaan Anda.
- (f) kerosakan pada tayar Kenderaan Anda, kecuali Kenderaan Anda rosak pada masa yang sama.
- (g) apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau berpunca daripada perbuatan menipu/pecah amanah/jenayah oleh seseorang mengikut makna definisi kesalahan menipu/pecah amanah/jenayah seperti yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan.
- (h) lebihan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
- (i) kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau program komputer untuk mengenal atau mentafsir dengan betul atau memproses mana-mana tarikh sebagai tarikh benar atau betul atau untuk terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.

### SEKSYEN B: LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA

1. Kami akan melindungi Anda atau pemandu yang Anda berikan kuasa untuk suatu aman yang Anda atau pemandu yang Anda berikan kuasa perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda atau berkaitan dengan punggah-memunggah daripadanya bagi:
  - (a) kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B.
  - (b) kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda dengan syarat pemandu yang Anda berikan kuasa juga mematuhi semua terma dan syarat polisi seperti yang dikenakan ke atas

Anda.

## 2. Had Liabiliti Kami

- Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah Seksyen B1(a) adalah )  
tidak terhad. ) berhubung dengan mana-mana tuntutan atau satu  
Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah Seksyen B1(b) adalah ) siri tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa.  
terhad kepada RM3 juta. )

## 3. Menunda Kenderaan Yang Rosak

Kami akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ternyata di bawah Seksyen B1(a) dan Seksyen B1(b) jika Kenderaan Anda digunakan untuk menunda mana-mana Kenderaan Bermotor yang rosak.

Dengan syarat:

- (a) kenderaan yang di tunda bukan di tunda untuk ganjaran  
(b) kami tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada kenderaan yang di tunda atau harta yang dibawanya.

## 4. Perlindungan untuk Wakil Di sisi Undang-Undang

Berikutnya kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Polisi ini, Kami akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat polisi.

## 5. Kos Undang-Undang

Kami akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000.00 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu Kenderaan Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis Kami telah diperolehi terlebih dahulu.

## 6. Pengecualian kepada Seksyen B

Kami TIDAK akan membayar bagi:

- (a) kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalan raya awam berkaitan dengan pemunggahan ke atas dan daripada Kenderaan Anda.  
(b) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa.  
(c) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa didalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari Kenderaan Anda ( kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam atau di atas Kenderaan Anda dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak perkerjaannya dengan Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau majikannya).  
(d) kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga pemandu yang Anda beri kuasa.  
(e) kerosakan mana-mana jambatan, jambatan timbang atau jejabat atau jalan atau benda yang berada di bawahnya akibat getaran atau berat Kenderaan Anda atau muatan yang di bawa oleh Kenderaan Anda.  
(f) kerosakan harta yang di sebabkan oleh atau berpunca daripada letusan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Anda.  
(g) kematian atau kecederaan anggota disebabkan oleh atau berpunca daripada letusan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Anda kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan.  
(h) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.  
(i) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.

## DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada polisi Anda dan dengan syarat Kenderaan Anda diinsuranskan dengan Kami untuk tempoh berterusan selama 12 bulan di dalam setiap keadaan di bawah ini, Anda layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa membaharui Polisi Anda seperti berikut:

<u>Tempoh Insurans</u>	<u>Diskaun</u>
Selepas tahun pertama insurans	15%
Selepas tahun kedua insurans	20%
Selepas tiga tahun atau lebih insurans	25%

Jika Kami bersetuju memindahkan kepentingan dalam Polisi ini, tempoh kepentingan di atas nama Anda tidak akan terakru untuk manfaat pemilik baharu.

Jika lebih daripada satu Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Polisi yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap Kenderaan Bermotor berkenaan.

## PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK TUNTUT BALIK

1. Hak Anda atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi indemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apa pun.
2. Walau bagaimanapun, sekiranya Kami dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya Kami tidak ada liabiliti untuk membayar, Anda hendaklah membayar balik kepada Kami wang yang telah Kami bayar itu.
3. Sekiranya tuntutan Kerosakan Sendiri telah dibayar dan tuntutan Kerosakan Harta Piadat Ketiga juga telah dibuat, Anda dikehendaki menyerahkan dan/atau memulangkan kepada Kami apa-apa jumlah yang telah dibayar kepada Anda, yang mana kegagalan untuk berbuat demikian Kami berhak mendapatkan kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa akibat langsung kos bayaran atau perbelanjaan tertanggung.

## PENGECUALIAN AM - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Kami TIDAK akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:

1. Jika Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut kecuali sekiranya Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen untuk memandu kenderaan Anda di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
2. Jika Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa memandu Kenderaan Anda di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal Kenderaan Anda.
3. (a) Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh Kenderaan Anda yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang undang atau telah digunakan selain yang diperuntukkan di bawah Had Penggunaan oleh Anda atau oleh orang lain dengan persetujuan Anda.  
(b) Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa Kenderaan Anda, berhubung dengan indemniti yang diperuntukkan di bawah Polisi ini telah dipandu oleh mana-mana orang selain pemandu yang dibenarkan atau seseorang yang memandu dengan arahan Anda atau dengan kebenaran Anda.
4. Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisyitiharkan atau tidak diisyitiharkan), operasi seakan peperangan, perbuatan musuh asing, perrusuhan, peperangan sivil, perbuatan ganas, mogok, rusuhan, kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan-keadaan yang tersebut di atas.
5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuhan, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semula jadi lain.
6. Jika kenderaan Anda digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun). Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, Kenderaan Anda ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika Kenderaan Anda dipandu dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada Kenderaan Anda akan dikekualikan daripada perlindungan Polisi ini.
8. Apa-apa kerosakan, kerugian, kemalangan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau tertanggung di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.  
Bagi liabiliti di Malaysia, pengehadan-pengehadan Akta diterima pakai.
9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut Kami tidak ada liabiliti.
10. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada mana-mana harta walau apa pun atau apa-apa kerugian atau

perbelanjaan walau apa pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan.

- (b) Apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya

yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen Polisi bertajuk 'Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik' atau di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk 'Perundungan', semua rujukan kepada Seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatal supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

## SYARAT - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

### 1. KEWAJIPAN PENDEDADAHAN

#### Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keenggan atau pengurangan ganirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

### 2. KEMALANGAN DAN PROSEDUR TUNTUTAN

- (a) Kami mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini:
- (i) Dalam tempoh tujuh (7) hari jika Anda dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikut kejadian itu.
  - (ii) Dalam tempoh tigapuluhan (30) hari atau secepat yang praktikal jika Anda dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.
  - (iii) Selain dari (i) dan (ii), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh Anda.
- (b) Sekiranya kenderaan Anda dilanggar oleh kenderaan Pihak Ketiga, Anda boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada Kami. Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda tidak akan terjejas sekiranya Kami memutuskan Anda tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahan tersebut adalah mengikut budi bicara Kami sepenuhnya. Dengan syarat kenderaan Pihak Ketiga itu berinsurans, boleh dikenal pasti dan/atau bukan kenderaan digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau ganjaran (misalnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk sewaan), bukan kenderaan yang diinsuranskan oleh bukan Penanggung Insurans Malaysia dan tidak terlibat dengan tuntutan kecederaan peribadi.
- (c) Semua kemalangan mestilah dilapor kepada pihak Polis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- (d) Setiap komunikasi, writ, saman dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada Kami serta-merta. Anda juga mesti tanpa berlengah memberitahu Kami sekiranya Anda tahu apa-apa pendakwaan, inkues atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mestilah tanpa berlengah membuat laporan kepada Polis dan bekerjasama dengan Kami dalam memastikan sabitan pesalah.
- (e) Perundingan, Pengakuan, atau Penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (f) Kami mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.
- (g) Pembaikan Kenderaan Anda tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (h) Sekiranya Kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan membawa kepada tuntutan, Kenderaan Anda mesti di bawa ke Bengkel yang diluluskan oleh PIAM untuk diperbaiki. Kegagalan mengalih Kenderaan Anda ke Bengkel yang diluluskan

oleh PIAM adalah perlanggaran terhadap syarat ini, dan Kami berhak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini.

- (i) Dalam mana-mana peristiwa yang membawa kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B1(b) Polisi ini, Kami boleh membayar Anda aman sepenuh liabiliti Kami mengikut Seksyen B1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan Anda alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah Kami lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana Kami telah melepaskan pengendalian berkenaan begitu juga Kami tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang Anda tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas Kami melepaskan pengendalian berkenaan.

### 3. PEMBATALAN

- (a) Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Kami secara bertulis.
- (b) Kami juga boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi Anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat Anda yang terakhir.
- (c) Anda hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan sijil insurans asal kepada Kami atau, menyediakan untuk Kami satu akuan berkanun jika sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (d) Sekiranya pembatalan diminta oleh Anda (asalkan tidak ada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans berkenaan), Anda adalah layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek biasa Kami dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda seperti yang berikut:

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium %
Tidak melebihi 1 minggu	87.5 daripada premium tahunan
" " 1 bulan	75.0 " " "
" " 2 bulan	62.5 " " "
" " 3 bulan	50.0 " " "
" " 4 bulan	37.5 " " "
" " 6 bulan	25.0 " " "
" " 8 bulan	12.5 " " "
Melebihi 8 bulan	tiada bayaran balik premium dibenarkan

- (e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh Kami, Anda layak mendapat bayaran balik premium secara prorata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (f) Tiada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan polisi sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum.

### 4. INSURANS LAIN

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada Kami jika Anda mempunyai apa-apa insurans lain yang melindungi Kenderaan Anda. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar mengikut perkadarannya setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam Syarat ini yang mengenakan Kami apa-apa liabiliti yang Kami tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

### 5. SUBROGASI

Sekiranya perlu, Kami berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan Kami sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama Anda atau mendakwa atas nama Anda untuk kepentingan Kami mana-mana indemniti atau kerugian atau sebaliknya dan Kami mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan Anda hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang Kami perlukan.

### 6. FASAL TIMBANG TARA

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Anda dan Kami. Sekiranya Anda dan Kami tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Anda dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas bulan kalender dari tarikh penafian tuntutan Kami kepada Anda.

### 7. HAL LAIN

Polisi ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- (b) Anda telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) Anda telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) Anda mesti memberarkan Kami memeriksa Kenderaan Anda pada bila-bila masa yang wajar.

## DEFINISI ISTILAH DI DALAM POLISI

1. Kami merujuk kepada Syarikat Insurans.
2. Anda merujuk kepada Pemegang Polisi dan/atau Pihak Diinsuranskan.
3. Kenderaan Anda merujuk kepada Kenderaan itu, aksesori standard pemasangan dikilang dan apa-apa aksesori tambahan lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
4. Aksesori merujuk kepada alat standard kenderaan bermotor, termasuk penyaman udara dan tayar ganti, dan boleh termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam Jadual.
5. Bengkel merujuk kepada bengkel membaiki kenderaan di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM.
6. Ahli keluarga Anda merujuk kepada semua ahli keluarga Anda yang terdekat (yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, dan adik-beradik).
7. Penipuan seperti yang didefinisikan di dalam kanun Kesiksaan adalah seperti yang berikut:  
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:
  - (a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau
  - (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang,adalah dikatakan "menipu".
8. Pecah amanah jenayah seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti berikut:  
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membriarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".
9. Takrif perbuatan ganas  
Bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan sepertinya termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

## ENDORMEN - DIGUNA PAKAI HANYA JIKA NOMBOR ENDORMEN DI CETAK DI DALAM JADUAL

Sila ambil perhatian bahawa hanya Endorsmen yang nombornya tercatat secara khusus di dalam Jadual Polisi akan diguna pakai oleh Polisi ini.

### ENDORMEN 1- EKSES SEMUA TUNTUTAN

Amaun Ekses yang tercatat di Jadual Polisi adalah amaun yang Anda terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu Kejadian. Ini bermakna bahawa Kami berhak memotong Ekses ini dari amaun yang jika tidak, Kami terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika Kami tidak dapat memotong Ekses tersebut, Kami berhak menuntut supaya Anda membayar Ekses itu kepada Kami dahulu sebelum Kami membuat apa-apa bayaran.

Kami tidak akan memotong Ekses tersebut bagi kerugian atau kerosakan yang melibatkan tuntutan pihak ketiga.

#### ENDORSMEN 2 - EKSES TUNTUTAN KEROSAKAN

Amaun Ekses yang tercatat di Jadual Polisi adalah amaun yang Anda terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu Kejadian. Ini bermakna bahawa Kami berhak memotong Ekses ini dari amaun yang jika tidak, Kami terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika Kami tidak dapat memotong Ekses tersebut, Kami berhak menuntut supaya Anda membayar Ekses itu kepada Kami dahulu sebelum Kami membuat apa-apa bayaran.

Kami tidak akan memotong Ekses tersebut jika kerugian atau kerosakan disebabkan kebakaran, letusan, kilat, pecahmasuk, pecah rumah, kecurian, tuntutan kerosakan harta pihak ketiga dan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.

#### ENDORSMEN 14 - PERTUKARAN HAK MILIK

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju menukar hak milik dalam Polisi ini pada [nyatakan tarikh] kepada [nyatakan nama penerima tukar milik dan No. Kad Pengenalan / No. Pendaftaran Perniagaan] beralamat di [nyatakan alamat] yang menjalankan atau melibatkan diri dalam perniagaan atau profesiion [ ] yang cadangan dan akuannya bertarikh [nyatakan tarikh] hendaklah menjadi atas kontrak ini.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat Polisi ini.

#### ENDORSMEN 15 - SEWA BELI

Kami mendapati bahawa Kenderaan Anda diperolehi di bawah perjanjian Pinjaman Majikan. Anda bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang Kami bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan dibayar di atas nama Majikan yang namanya tercatat di dalam Jadual Polisi selagi pinjaman itu belum dilunaskan pada masa Kejadian yang menyebabkan tuntutan. Akuan penerimaan daripada Majikan akan membebaskan Kami daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi Kejadian tersebut.

Selain dari yang di atas, hak dan liabiliti Kami / Anda di bawah Polisi ini tidak akan terjejas.

#### ENDORSMEN 15(a) - PINJAMAN MAJIKAN

Kami mendapati bahawa Kenderaan Anda diperolehi di bawah perjanjian Pinjaman Majikan. Anda bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang Kami bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan dibayar di atas nama Majikan yang namanya tercatat di dalam Jadual Polisi selagi pinjaman itu belum dilunaskan pada masa Kejadian yang menyebabkan tuntutan. Akuan penerimaan daripada Majikan akan membebaskan Kami daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi Kejadian tersebut.

Selain dari yang di atas, hak dan liabiliti Kami / Anda di bawah Polisi ini tidak akan terjejas.

#### ENDORSMEN 19 - RISIKO PENUMPANG (TIDAK DIGUNA PAKAI KEPADA POLISI "AKTA")

Kami bersetuju bahawa Pengecualian (c) Seksyen B Polisi ini dibatalkan.

\*Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada \_\_\_\_\_ \*\* orang (yang dinyatakan di dalam Jadual) (selain daripada atendan/konduktor jika ada dan pemandu) Anda hendaklah membayar semula Kami perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar oleh Kami.

Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasan hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundungan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: \*Abaikan proviso ini dalam kes Kenderaan jenis Khas.

\*\* Bilangan yang perlu diisi di dalam kes Kereta Untuk Sewa adalah mengikut bilangan yang dibenarkan oleh Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk Kenderaan Bermotor tersebut dan di dalam kes-kes kenderaan lain, bilangan adalah mengikut bilangan yang mana premium telah dibayar dan ianya merupakan jumlah keseluruhan bilangan tempat duduk penumpang termasuk bilangan lebih penumpang yang dibawa dengan kebenaran Pihak Berkua.

#### ENDORSMEN 19(i) - RISIKO PENUMPANG - PEKERJA PIHAK DIINSURANSKAN

##### KENDERAAN PENGANGKUT BARANGAN SAHAJA (TIDAK DIGUNA PAKAI KEPADA POLISI "AKTA")

Kami akan bayar amaun yang Anda layak mengikut undang-undang (selain daripada liabiliti di bawah mana-mana perundungan Pampasan Pekerja) seperti kerosakan dan kos dan perbelanjaan pihak menuntut sekiranya kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana pekerja Anda yang di bawa atau ketika atau memasuki atau menaiki atau turun tetapi tidak memandu Kenderaan Bermotor.

\*\*Dengan syarat bahawa sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada \*..... Pekerja Anda (yang dinyatakan di dalam Jadual) (sebagai tambahan kepada pemandu) Kami hendaklah tidak dipertanggungjawabkan

lebih daripada perkadarannya setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar kerana Pengendorsan ini yang merujuk kepada kemalangan sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: \* Masukkan Bilangan pekerja yang mana premium tambahan telah dibayar  
\*\* Abaikan proviso ini dalam kes yang mana premium tambahan dibayar adalah untuk bilangan pekerja Pihak Diinsuranskan yang tidak terhad.

#### ENDORSMEN 24(c): UJIAN KEUTUHAN, PERTANDINGAN DSB.

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi Endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Polisi ini melindungi Motosikal Anda semasa ia digunakan untuk [nyatakan sama ada ujian keutuhan, pertandingan] yang akan diadakan di [nyatakan tempat / lokasi] pada [nyatakan tarikh] yang dianjurkan oleh [nyatakan nama pengajur] termasuk latihan rasmi yang dikendalikan bagi acara tersebut.

#### ENDORSMEN 25 - MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda disebabkan oleh:

- perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang menyokong suatu mogok atau menentang sekat-masuk;
- perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak); dan
- tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan untuk membanteras mana-mana gangguan sedemikian atau untuk mengurangkan akibat gangguan tersebut.

Endorsmen ini tidak melindungi:

- perang saudara, peperangan, pencerobohan atau perbuatan musuh asing, perrusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan ataupun tidak);
- revolusi, pemberontakan atau kekecohan awam yang mencapai tahap kebangkitan awam; dan
- Tindakan Keganasan.

Endorsmen ini juga tidak melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh atau yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul dari atau yang berkaitan dengan pengecualian yang dinyatakan di atas.

#### ENDORSMEN 30 - PENGGANTIAN ALAT GANTI

Sekiranya alat ganti atau aksesori bagi membaiki Kenderaan Anda tidak terdapat di Malaysia, atau jika Kami menjalankan opsyen Kami untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti Kami bagi alat ganti/aksesori sedemikian hendaklah

- harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara) dan
- kos yang munasabah bagi memasang alat ganti/aksesori sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

#### ENDORSMEN 33 - KEGUNAAN PERIBADI -TANGGUNG RUGI KEPADA PENGGUNA

##### (DIGUNA PAKAI KEPADA PLET PERDAGANGAN MOTOR BERASASKAN PEMANDU DINAMAKAN BEGITU JUGA POLISI KENDERAAN KOMERSIAL TERMASUK JENIS KHAS)

Kami bersetuju untuk melindungi \*..... di bawah \*\*Seksyen B Polisi ini ketika menggunakan Kenderaan Bermotor untuk tujuan sosial domestik atau persiaran dengan kebenaran Anda yang berhubung dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh pemandu dengan syarat bahawa:-

- (1) Orang tersebut tidak berhak mendapat perlindungan di bawah mana-mana Polisi lain.
- (2) Orang tersebut hendaklah seolah-olah ia Pihak Diinsuranskan, mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada Terma Polisi ini setakat mana ia boleh diguna pakai.

Nota: \* Masukkan nama atau kelas orang atau "mana-mana orang".  
\*\* Untuk Polisi "Akta" gugurkan perkataan "Seksyen B".

**ENDORSMEN 54 - TRELER YANG TIDAK DINYATAKAN (SEMASA DIPASANG PADA KENDERAAN) - POLISI KENDERAAN PERDAGANGAN SAHAJA (Bayaran premium berdasarkan kepada kenderaan penggerak utama yang di tentukan)**

Kami akan melindungi treler Anda semasa dipasang pada Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Lampiran tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Dengan syarat bahawa:

- (a) Seksyen A Polisi ini hendaklah tidak diguna pakai terhadap sebarang kenderaan yang digerakkan secara mekanikal yang rosak.
- (b) Liabiliti kami di bawah Seksyen A Polisi ini bagi kerugian atau kerosakan kepada treler tersebut hendaklah tidak melebihi jumlah .....\*
- (c) Bagi tujuan Pengecualian (c) dan (d) kepada Seksyen B Polisi ini, kenderaan bermotor dan treler yang dipasang hendaklah dianggap sebagai sebuah Kenderaan Bermotor.

**LAMPIRAN**

Kenderaan Bermotor yang mana Pengendorsan ini di terima pakai
---

Nota:

- \*(1) Isikan jumlah nilai treler yang mempunyai nilai yang tertinggi yang akan digunakan pada mana-mana satu masa.
- (2) Polisi Pihak Ketiga sahaja - Gugurkan Proviso (a) dan (b)
- (3) Polisi "Akta" - Gugurkan Proviso (a), (b) dan (c)

**ENDORSMEN 57 - PERLINDUNGAN TAMBAHAN BENCANA KHAS**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain.

**Endorsmen 87: FASAL NILAI DIPERSETUJUI**

Nilai Dipersetujui yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi adalah amaun maksimum yang Kami akan bayar untuk Motosikal Anda, setelah ditolak sebarang Ekses (jika berkaitan) sekiranya Motosikal Anda dicuri atau musnah sama sekali.

Kami dan Anda telah bersetuju semasa Polisi ini mula berkuat kuasa supaya nilai ini digunakan sebagai asas penyelesaian dengan syarat Kami bertanggungjawab membayar kerugian atau kemusnahan itu di bawah terma dan syarat Polisi ini. Nilai Pasaran Motosikal Anda pada masa kerugian berlaku tidak akan diambil kira.

**ENDORSMEN 89 - PERLINDUNGAN UNTUK CERMIN DEPAN / BELAKANG, TINGKAP DAN BUMBUNG MATAHARI**

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi kos menggantikan atau membaiki mana-mana kaca pada cermin depan, tingkap atau bumbung matahari Kenderaan Anda yang pecah secara tidak sengaja termasuk kos laminasi / lapisan penintangan (jika ada) dengan syarat tiada tuntutan lain dibuat bagi Kejadian ini. Amaun maksimum yang Kami akan bayar di bawah endorsmen ini adalah amaun yang disebut di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk 'Endorsmen 89'.

Jika tuntutan Anda adalah khusus untuk kaca cermin yang pecah sahaja dan bukan kerosakan yang lain, Kami tidak akan memotong sebarang Ekses, dan Anda juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda.

Jika cermin yang pecah diganti, perlindungan yang diberikan oleh endorsmen ini akan tamat sebaik sahaja kaca itu digantikan. Jika Anda ingin mendapatkan perlindungan berterusan Anda dikehendaki membayar premium tambahan kepada Kami.

Sebaliknya jika kaca yang pecah diperbaiki perlindungan ini akan terus berkuat kuasa tetapi dengan amaun perlindungan yang berkurangan setelah ditolak kos untuk membaikinya. Untuk mengembalikan semula amaun perlindungan ini ke had yang asal Anda dikehendaki membayar premium tambahan kepada Kami bagi perlindungan tambahan tersebut.

Kami mempunyai kata putus sama ada kaca yang pecah itu diperbaiki atau digantikan.

**ENDORSMEN 90 - KENDERAAN PERDAGANGAN - SEKSYEN A - 3 PENGANGKUTAN UNTUK KENDERAAN ROSAK**

Sebagai balasan kepada bayaran untuk premium tambahan, had liabiliti Kami di bawah Seksyen A-3 ditambah kepada amaun yang disebut di dalam Jadual Polisi.

**ENDORSMEN 91 - PENGECUALIAN PENGHANTARAN MELALUI LALUAN AIR PENDALAMAN**

Kami bersetuju bahawa perkataan "laluan air pedalaman" adalah dipotong dari sub-seksyen 1(h)(i) pada Seksyen A Polisi ini.

#### ENDORSMEN 95 - PERJANJIAN PAJAKAN

Kami mendapati bahawa Kenderaan Anda diperolehi di bawah Perjanjian Pajakan dengan syarikat Pajakan yang dinamakan dalam Jadual Polisi sebagai Pemberi Pajak. Anda bersetuju tanpa syarat bahawa bayaran tunai yang Kami bayar bagi sebarang tuntutan di bawah Seksyen A akan dibuat kepada Pemberi Pajak selagi perjanjian Pajakan itu masih sah pada masa berlakunya Kejadian itu. Akuan penerimaan dari Pemberi Pajak akan membebaskan Kami sepenuhnya daripada tuntutan liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain Anda adalah pihak prinsipal di bawah Polisi ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak dan Anda tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini kepada Pemberi Pajak. Anda tidak boleh menyerahkan hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada Kami.

#### ENDORSMEN 97 - PERLINDUNGAN BERASINGAN BAGI AKSESORI YANG DIPASANG PADA KENDERaan ANDA

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi Aksesori bukan piawaian yang butirannya dinyatakan di dalam Jadual Polisi. Amaun maksimum yang Kami akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk ‘Endorsmen 97’.

Jika tuntutan Anda adalah khusus untuk Aksesori sahaja dan bukan untuk kerosakan lain, Kami tidak akan memotong sebarang Ekses, dan Anda juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda.

Perlindungan ini akan ditamatkan pada tarikh tuntutan Anda dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk mengembalikan semula perlindungan ini Anda dikehendaki membayar premium tambahan kepada Kami bagi perlindungan ini diperbaharui.

#### ENDORSMEN 97(a) - PERALATAN PENUKARAN GAS DAN TANGKI

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Peralatan Penukaran Gas dan Tangki Kenderaan Anda sebagai item berasingan dengan syarat ia dipasang oleh pemasang yang bertauliah. Amaun maksimum yang Kami akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk ‘Endorsmen 97(a)’.

Jika tuntutan Anda adalah hanya untuk Peralatan Penukaran Gas dan Tangki sahaja dan bukan untuk kerosakan yang lain, Kami tidak akan memotong sebarang Ekses dan Anda tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda.

Perlindungan akan ditamatkan pada tarikh tuntutan Anda dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk memulihkan semula perlindungan ini Anda dikehendaki membayar premium tambahan kepada Kami bagi perlindungan ini diperbaharui.

#### ENDORSMEN 101 - PERLUASAN PERLINDUNGAN KE NEGARA THAILAND

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A dan B1(a)(ii) Polisi ini akan melindungi Kenderaan Anda semasa digunakan di Negara Thailand berkuat kuasa dari masa perlindungan tersebut dibeli pada [nyatakan tarikh] hingga tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia / pada [nyatakan tarikh]). Had liabiliti yang Kami berikan di bawah Seksyen B1(a)(ii) adalah sehingga jumlah maksimum sebanyak RM100,000 sahaja.

Endorsmen ini tidak melindungi liabiliti dari segi undang-undang di bawah Seksyen B1(a)(i) semasa Kenderaan Anda digunakan di Negara Thailand.

#### ENDORSMEN 102 - PERLUASAN PERLINDUNGAN KE KALIMANTAN

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami kawasan geografi Polisi ini diperluas untuk meliputi Kalimantan berkuat kuasa dari \_\_\_\_\_ pagi / petang / malam pada [nyatakan tarikh] hingga ke tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia) pada [nyatakan tarikh] tertakluk pada had liabiliti sebanyak RM50,000 di bawah Bahagian B1(a)(i) dan B1(a)(ii).

Tertakluk juga kepada terma dan syarat Polisi ini.

#### ENDORSMEN 105 - HAD LIABILITI BAGI KEROSAKAN HARTA PIHAK KETIGA

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju untuk menambah had liabiliti yang diberikan di bawah Seksyen B2(ii) Polisi sehingga RM [nyatakan had baru] berkuat kuasa dari [nyatakan tarikh].

Had liabiliti yang melebihi RM3 juta sehingga RM20 juta adalah dibenarkan tertakluk kepada premium tambahan yang dinyatakan seperti di bawah:

Had liabiliti Kerosakan Harta Pihak Ketiga

Dari RM3 juta sehingga RM4 juta	- 15% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM6 juta	- 30% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM10 juta	- 45% dari Premium Pihak Ketiga
Sehingga RM20 juta	- 60% dari Premium Pihak Ketiga

#### ENDORSMENT 106 - BENGKEL YANG DIBENARKAN OLEH PENANGGUNG INSURANS

Syarat 2(h) pada polisi ini adalah dipinda seperti berikut:-

"Sekiranya Kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan menyebabkan tuntutan, Kenderaan Anda mestilah dihantar kepada bengkel Skim Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan oleh PIAM (SBPP) yang dipilih dan diluluskan oleh Kami untuk pembaikan. Kegagalan untuk mengalah Kenderaan Anda ke bengkel yang diluluskan adalah pelanggaran pengendorsan ini dan Kami mempunyai hak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini."

#### ENDORSMENT 109 - PERLUASAN PERLINDUNGAN TRANSIT FERI KE DAN / ATAU DARI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami bersetuju bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen A Polisi ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda semasa dalam transit ke dan / atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Anda mesti menanggung 1% pertama dari Amaun Diinsuranskan atau RM500 (yang mana yang lebih tinggi) bagi setiap tuntutan yang timbul dari satu transit bagi setiap tuntutan yang mesti dibayar di bawah endorsmen ini. Kami berhak memotong amaun ini di samping Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi ini.

#### ENDORSMENT 112 - PAMPASAN UNTUK TEMPOH PEMBAIKAN YANG DIANGGARKAN (COMPENSATION FOR ASSESSED REPAIR TIME (CART))

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami akan membayar pampasan bagi jumlah hari yang Kami anggarkan diperlukan untuk membaiki Kenderaan Anda di bawah Seksyen A Polisi ini ('tempoh pembaikan yang dianggarkan'). Kami bersetuju bahawa bayaran akan didasarkan pada tempoh pembaikan yang dianggarkan oleh Ajuster atau amaan maksimum yang diberikan di dalam Jadual Polisi atau yang mana lebih rendah.

Kadar maksimum bagi setiap hari dan jumlah hari maksimum yang Kami akan bayar di bawah endorsmen ini terhad kepada jumlah yang disebutkan di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk 'Endorsmen 112'.

Kami tidak akan memotong sebarang Ekses bagi setiap tuntutan yang Kami setuju untuk bayar di bawah endorsmen ini dan Anda tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda.

Kami tidak akan membayar:

- jika tuntutan Anda hanya untuk cermin pecah yang boleh dibayar di bawah Endorsmen 89;
- untuk sebarang kelewatian dari segi tempoh masa yang diambil untuk membaiki Kenderaan Anda (lebih dari tempoh anggaran pembaikan) atas apa juga sebab sekali pun. Keputusan muktamad tentang tempoh masa yang diperlukan untuk membaiki Kenderaan Anda akan ditentukan oleh Kami tanpa mengira sama ada tuntutan Anda dikemukakan secara terus kepada Kami atau terhadap pihak ketiga;
- jika tuntutan Anda adalah untuk kecurian atau kerugian sepenuhnya Kenderaan Anda; atau
- jika tuntutan Anda di dalam proses BER. Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami jika Anda membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

#### WARANTI NO.1 - WARANTI KE ATAS LEBIHAN MUATAN KENDERAAN (DITERIMA PAKAI KE ATAS SEMUA KENDERAAN PERDAGANGAN TERMASUK BAS DAN VAN PERSENDIRIAN)

Adalah diwarantikan bahawa Kami tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen A Polisi ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Kenderaan Anda membawa muatan yang berlebihan daripada berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran Kenderaan Anda. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% daripada berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasannya yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

## ENDORSEMEN CV01 - TRUCK ASSIST (BUKAN TARIF)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda bayar kepada Kami bagi pengendorsan ini, Anda melayak Truck Assist yang diatur oleh Kami di mana perkhidmatan hanya akan disediakan kepada Kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya kerosakan Kenderaan Anda. Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda perlu menghubungi nombor Bebas Tol 24 Jam 1 300 13 8133 untuk meminta perkhidmatan berikut:-

### i) Perkhidmatan Tunda Kecemasan 24 Jam

Sekiranya Kenderaan Anda tidak boleh bergerak akibat kerosakan di mana ia tidak mungkin diperbaiki di tepi jalan, Kami akan membantu untuk menunda Kenderaan Anda ke rumah Anda atau Bengkel pilihan Anda sehingga 150 km perjalanan pergi balik. Sekiranya perjalanan pergi balik telah melebihi 150 km, Anda akan dikenakan kos tunda tambahan sebanyak RM6.00 setiap km. Tambang tol dikecualikan dalam perkhidmatan tunda dan hendaklah ditanggung oleh Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda.

Sekiranya berlaku kemalangan, Kami atau penyedia perkhidmatan Kami akan membantu untuk menunda Kenderaan Anda ke rumah Anda atau Bengkel pilihan Anda. Kos menunda boleh dituntut di bawah Seksyen A3 Polisi ini.

### ii) Pembaikan Kecil Di Tepi Jalan

Kami atau penyedia perkhidmatan Kami akan mengaturkan pembaikan kecil di tepi jalan Kenderaan Anda seperti permulaan, penggantian tayar ganti, tampalan tayar dan penggantian bateri. Jika pembaikan kecil di tepi jalan tidak dapat diselesaikan, Kami atau penyedia perkhidmatan Kami akan membantu untuk menunda Kenderaan Anda ke Bengkel pilihan Anda.

Kami atau penyedia perkhidmatan Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos yang ditanggung untuk alat-alat ganti yang diperlukan semasa pembaikan kecil di tepi jalan.

### Had Wilayah

Truck Assist boleh diakses di Semanjung Malaysia dan radius 50 km dari bandar atau bandar raya terdekat di Timur Malaysia.

### Syarat

Manfaat-manfaat yang disediakan oleh pengendorsan ini adalah terhad kepada maksimum empat (4) kejadian semasa Tempoh Insurance. Selepas mencapai had ini, pengendorsan ini tidak akan berkuat kuasa, dan pengambilan semula untuk perlindungan ini tidak dibenarkan.

### Pengecualian

Kami atau penyedia perkhidmatan Kami tidak perlu menyediakan perkhidmatan di bawah keadaan berikut:

1. Sekiranya Kenderaan Anda tidak boleh bergerak akibat kerosakan di jalan yang tidak diwartakan dari Sistem Jalan Raya Malaysia;
2. Penundaan Kenderaan Anda di mana berat Kenderaan Anda lebih daripada kapasiti berat yang direka seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi pengeluar Kenderaan Anda;
3. Pengeluaran aksi pemacu Kenderaan Anda melainkan kos tambahan ditanggung oleh Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda;
4. Penundaan Kenderaan Anda tidak termasuk treler;
5. Penundaan Kenderaan Anda ke Puspakom untuk tujuan pemeriksaan;
6. Sekiranya Kenderaan Anda memerlukan penggunaan peralatan menunda khas melainkan kos tambahan ditanggung oleh Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda;
7. Penundaan Kenderaan Anda untuk tunjujan penghantaran pulang;
8. Di mana perkhidmatan disediakan untuk tujuan penghantaran diesel;
9. Di mana nombor pendaftaran Kenderaan Anda tidak sepadan dengan nombor yang didaftarkan dengan Kami;
10. Di mana perkhidmatan tidak dianjurkan atau diluluskan terlebih dahulu oleh Kami atau penyedia perkhidmatan Kami;
11. Di mana perkhidmatan disediakan melebihi had wilayah yang ditentukan;
12. Penundaan diminta untuk Kenderaan Anda yang telah dicuri tetapi kemudia dijumpai atau didapati ditinggalkan atau disebabkan vandalisme pada Kenderaan Anda;
13. Sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh Anda atau Pemandu Dibenarkan dari Kenderaan Anda;
14. Sekiranya Kenderaan Anda telah diubah suai bertentangan dengan peraturan Kerajaan; dan
15. Kerosakan pada Kenderaan Anda termasuk kerosakan haus dan lusuh.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

## ENDORSMEN TAMBAHAN - diguna pakai hanya untuk Insurans Commercial Motor Plus

### ENDORSMEN Q001 - KEMALANGAN DIRI PEMANDU DAN PENUMPANG (BUKAN TARIF)

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa Kami akan membayar pampasan bagi kematian atau hilang upaya (Manfaat-manfaat) seperti yang dihuraikan di bawah sekiranya **Orang yang Diinsuraskan** tersebut adalah tercedera dan dalam masa satu tahun ianya berlaku Kecederaan tersebut adalah penyebab tunggal kepada kematian atau hilang upaya berkenaan. Kami akan membayar Anda atau Wakil Sah Anda untuk Kecederaan seperti yang dimaksudkan di dalam Polisi/Endorsmen ini.

Manfaat	Pampasan (RM)
1. Kematian Kemalangan	50,000

<b>2. Hilang Upaya Kekal</b>	seperti yang dinyatakan di bawah	
a. Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki		50,000
b. Kehilangan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki		50,000
c. Lumpuh seluruh anggota secara keseluruhan		50,000
d. Kehilangan penglihatan pada kedua-dua mata		50,000

<b>3. Hilang Upaya Separa Kekal</b>	seperti yang dinyatakan di bawah	Jumlah yang boleh dibayar adalah ditunjukkan di bawah terhadap setiap Manfaat, tetapi tidak melebihi RM50,000 bagi mana-mana satu Orang yang Diinsuranskan.
a. Kehilangan sebelah kaki atau tangan		25,000
b. Kehilangan penglihatan sebelah mata		25,000
c. Kehilangan empat jari dan ibu jari pada sebelah tangan		25,000
d. Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga		25,000
e. Kehilangan pertuturan		25,000
f. Kehilangan semua jari kaki		7,500

#### 4. Perbelanjaan Perubatan

Bayaran atau caj perubatan, pembedahan, hospital, rumah penjagaan dan penjagaan yang dikenakan dalam masa 52 minggu dari terjadinya **Kecederaan**, dengan syarat bahawa semua bayaran atau caj sedemikian adalah dikenakan secara perlu dan munasabah bagi khidmat-khidmat profesional daripada seorang **Pengamal Perubatan**, yang berkelayakan penuh dan berdaftar di hospital dan/atau Klinik.

Pembayaran balik sehingga RM2,000 berkenaan dengan mana-mana satu **Orang yang Diinsuranskan** di dalam mana-mana satu kemalangan.

#### 5. Perbelanjaan Pengebumian & Pembakaran

Yang dikenakan secara perlu dan munasabah dan disokong oleh akaun beresit daripada suatu pengurus pengebumian berkenaan dengan kematian **Orang yang Diinsuranskan**.

Pembayaran balik sehingga RM3,000 berkenaan dengan mana-mana satu **Orang yang Diinsuranskan** di dalam mana-mana satu kemalangan.

#### 6. Elaun Perkabungan

Kami akan membayar RM1,000 di atas satu tuntutan yang sah di bawah Manfaat 1 di atas.

#### 7. Bayaran Ambulans

Kami akan membayar balik caj-caj yang telah dikenakan oleh hospital atau oleh sebuah syarikat ambulans swasta untuk kecemasan / maklum balas ambulans yang diakibatkan oleh satu kemalangan kepada **Kenderaan** yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga RM500.

#### 8. Pendapatan Hospital

Kami akan membayar elaun harian sebanyak RM75 kepada mana-mana **Orang yang Diinsuranskan** dalam satu kemalangan kepada **Kenderaan** yang dinyatakan di dalam Jadual bagi tempoh penahanan **Orang yang Diinsuranskan** di sebuah hospital bagi rawatan sehingga 60 hari.

#### Had Pampasan berkenaan dengan mana-mana satu Orang yang Diinsuranskan

1. Bagi Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3, "Kehilangan" yang merujuk kepada tangan atau kaki hendaklah bermaksud kehilangan menyeluruh penggunaan atau putus pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali, dan dengan merujuk kepada mata bermaksud keseluruhan dan kehilangan penglihatan yang tidak dapat dipulihkan.
2. Pampasan tidak boleh dibayar bagi:
  - a. mana-mana **Kecederaan** khusus di bawah Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 di mana, bagi **Kecederaan** yang sama itu pampasan yang lebih besar adalah boleh dibayar bagi bahagian lain Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 yang termasuk juga **Kecederaan** khusus itu,
  - b. Manfaat 1 sebagai tambahan kepada mana-mana Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 sekiranya ianya disebabkan oleh **Kecederaan** yang sama, melainkan sekiranya suatu pembayaran telah dibuat di bawah mana-mana bahagian Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 dan kematian telah berlaku selepas itu yang secara tunggalnya disebabkan oleh dan dalam masa satu tahun dari **Kecederaan** itu, maka Kami akan membayar mana-mana perbezaan sekiranya Pampasan yang boleh dibayar untuk Manfaat 1 adalah lebih besar daripada yang telah dibayar untuk Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3,
  - c. lebih daripada RM50,000 secara agregat bagi mana-mana atau kesemua Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 untuk mana-mana satu **Orang yang Diinsuranskan**.
  - d. lebih daripada RM200,000 secara agregat bagi mana-mana atau kesemua Manfaat 2 dan/atau Manfaat 3 untuk semua **Orang yang Diinsuranskan**. Apabila 100% daripada manfaat menjadi harus dibayar, Endorsmen ini hendaklah terhenti selepas itu
3. Pampasan boleh dibayar bagi had agregat sehingga empat (4) kapasiti tempat duduk yang merangkumi satu (1) pemandu dan sehingga tiga (3) penumpang.
4. Tiada apa-apa yang boleh dibayar berkenaan dengan Manfaat 4 sekiranya terdapat mana-mana insurans lain yang sedang berkuat kuasa melindungi kerugian itu atau sekiranya anda atau **Orang yang Diinsuranskan** adalah berhak kepada indemnititi daripada mana-mana sumber lain, dengan syarat Kami hendaklah tidak dilepaskan daripada liabiliti di bawah Manfaat ini

sejauh mana yang berkaitan dengan mana-mana lebihan yang menjangkaui amaun insurans atau indemniti lain sedemikian yang boleh dibayar.

#### Pengecualian

1. **Kecederaan** yang disebabkan oleh :
  - a. bunuh diri, mencederakan diri sendiri atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan hayat manusia), atau tindakan yang melanggar undang-undang,
  - b. kehamilan, kelahiran anak, atau kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental,
  - c. di bawah pengaruh dadah melainkan dadah tersebut diambil menurut suatu preskripsi perubatan yang dibenarkan (tetapi bukan untuk rawatan penagih dadah),
  - d. di bawah pengaruh alkohol melainkan ia boleh dibuktikan secara munasabahnya dan kami berpuas hati dengan mana-mana pihak menuntut bahawa alkohol bukan faktor yang menyumbang kepada berlakunya **Kecederaan**,
  - e. **Kenderaan** yang digunakan untuk perlumbaan, rali jalan, ujian kelajuan yang menentukan rentak atau penggunaan bagi apa-apa tujuan berkaitan dengan perniagaan motor,
  - f. **Kenderaan** yang digunakan untuk pengajaran memandu,
  - g. **Pengecualian Politik**:  
Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut, iaitu:-
    - i) Pengambilalihan kekal atau sementara berhasil daripada rampasan atau tuntutan ke atas penyitaan pemilik negaraan oleh mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah di sisi undang-undang.
    - ii) Pengambilalihan kekal atau sementara ke atas mana-mana bangunan berhasil daripada pendudukan yang menyalahi undang-undang sedemikian.
  - f. kemalangan berlaku di luar Had Wilayah
2. **Kecederaan** yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhananya atau sebahagiannya oleh :
  - a. jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik di mana ia terjadi melalui luka atau cedera yang tidak disengajakan),
  - b. apa-apa jenis penyakit lain,
  - c. rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali seperti yang secara perlu semata-mata oleh **Kecederaan** yang dilindungi oleh Polisi ini dan dilaksanakan dalam tempoh masa yang diperuntukkan dalam Polisi),
  - d. atau timbul daripada atau diakibatkan atau disebabkan oleh HIV (Virus Kekurangan Imun Manusia) dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau bagaimana ia disebabkan dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasi atau rawatan daripadanya walau bagaimana ia disebabkan.

#### Syarat

##### 1. **Had Umur**

Had umur ke atas mana-mana **Orang yang Diinsuranskan** yang dilindungi di dalam polisi ini adalah antara 16 hingga 65 tahun.

#### Syarat Tuntutan

##### 1. **Syarat Terdahulu**

Bayaran tuntutan di bawah Polisi ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh **Anda**, dan setakat mana ia dikenakan, oleh **Orang yang Diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut.

##### 2. **Makluman Kehilangan**

Anda mesti melaporkan secara bertulis kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari untuk memberikan butiran penuh apa-apa **Kecederaan** yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **Endorsmen/Polisi** ini. Bagi kerugian selain daripada **Kecederaan** yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah **Endorsmen/Polisi**, Anda mesti melaporkan secara bertulis kepada Kami dalam masa empat belas (14) hari dengan butiran penuh kerosakan, dan jika perlu, Kami berhak untuk meminta dokumen sokongan dan / atau laporan yang berkaitan dengan perbelanjaan Anda.

##### 3. **Pemeriksaan Perubatan**

Anda atau **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah mendapatkan perkhidmatan **Pengamal Perubatan** yang berdaftar dan **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah menjalani mana-mana rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal sedemikian. **Orang yang Diinsuranskan** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan selanjutnya yang dikehendaki oleh Kami atas perbelanjaan Kami.

##### 4. **Dokumen**

Semua sijil, maklumat dan keterangan mestilah dikemukakan atas perbelanjaan **Anda** atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut dalam bentuk dan keadaan yang dikehendaki. Dalam kejadian kematian **Orang yang Diinsuranskan**, Kami menghendaki sijil kematian ditunjukkan dan mungkin menghendaki pemeriksaan post-mortem dibuat atas perbelanjaan Kami.

##### 5. **Kapasiti Tempat Duduk**

Sekiranya bilangan sebenar **Orang yang Diinsuranskan** melebihi kapasiti tempat duduk yang dinyatakan dalam polisi, had liabiliti Kami bagi Kematian Akibat Kemalangan/Kehilangan Upaya Kekal/Sebahagian bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan** akan dikurangkan secara bersekadar dengan bilangan sebenar **Orang yang Diinsuranskan** dalam Kenderaan.

##### 6. **Pembayaran Manfaat**

- a. Maka perihal mana-mana manfaat kematian akibat kemalangan yang boleh dibayar di bawah Manfaat seperti yang dinyatakan di atas berhubung dengan perlindungan kepada **Orang yang Diinsuranskan**, ia haruslah dibayar mengikut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

b. Maka perihal mana-mana manfaat yang boleh dibayar (kecuali mana-mana manfaat kematian akibat kemalangan) di bawah Jadual Manfaat seperti yang dinyatakan di atas berhubung dengan perlindungan kepada **Orang yang Diinsuranskan**, ia hendaklah dibayar kepada **Orang yang Diinsuranskan**. Walau bagaimanapun, sekiranya sebelum pembayaran manfaat dibayar kepada **Orang yang Diinsuranskan**, **Orang yang Diinsuranskan** itu meninggal dunia, oleh itu, Kami akan membayar manfaat kepada wakil peribadi sah **Orang yang Diinsuranskan** dengan syarat wakil peribadi sah tersebut mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat Endorsmen/Polisi ini.

#### 7. Fasal Sekatan Had dan Pengecualian

Tiada penanggung insurans adalah disifatkan untuk menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini setakat mana peruntukan seperti perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan daripada manfaat ini yang akan mendedahkan syarikat insurans itu kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

#### Beberapa definisi yang digunakan untuk Endorsmen ini.

1. **Orang yang Diinsuranskan**  
bermaksud mana-mana pemandu dan penumpang yang diberi kuasa.
2. **Kecederaan**  
bermaksud kematian atau hilang upaya kekal ke atas **Orang yang Diinsuranskan** semasa memandu atau sebagai penumpang dan/atau menaiki atau menuruni daripada **Kenderaan** yang dinyatakan di dalam Jadual.
3. **Wakil Sah**  
bermaksud individu atau Pemegang Amanah Raya atau syarikat amanah yang berhak di bawah undang-undang untuk menerima wang polisi yang perlu dibayar di bawah Endorsmen ini menurut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 bagi kematian akibat kemalangan ke atas **Orang yang Diinsuranskan**.
4. **Pengamal Perubatan**  
bermaksud mana-mana orang yang berkelayakan dengan suatu ijazah di dalam bidang perubatan barat dan berlesen sah dan dibenarkan untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan.

#### **ENDORSMEN Q002 - ELAUN KESULITAN BANJIR (BUKAN TARIF)**

Dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa:

- a) Sekiranya berlaku kerosakan pada Kenderaan Anda yang disebabkan oleh banjir, banjir kilat, melimpahnya air, parit atau sungai atau lumpur, Kami akan membayar Anda elaun sebanyak RM1,000 semasa Tempoh Insurans. Kenderaan Anda harus diarahkan atau ditunda ke mana-mana bengkel yang dibenarkan.
- b) Sekiranya tuntutan banjir dibuat, Anda mesti memberi Kami yang berikut:
  - salinan laporan polis; dan
  - salinan invoice pembaikan resit rasmi; dan
  - gambar sebelum dan selepas pembersihan dan/atau sebarang dokumen tambahan untuk pengesahan; dan
  - sebarang dokumen lain yang berkaitan yang diminta oleh Kami.
- c) Anda harus memaklumkan tuntutan kepada Kami apabila Kenderaan itu telah dihantar ke bengkel.
- d) Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian dalam setiap Tempoh Insurans dan tiada pengembalian semula untuk perlindungan ini. Mana-mana tuntutan di bawah Endorsmen ini tidak akan menjelaskan kelayakan NCD Anda dan tiada Ekses akan dikenakan, dengan syarat ia adalah sentiasa dalam Tempoh Insurans di bawah Polisi ini.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

#### **ENDORSMEN Q003 - ELAUN KESULITAN KECURIAN (BUKAN TARIF)**

Kami akan membayar Anda sebanyak RM1,000 sekiranya terdapat tuntutan Anda adalah untuk Kecurian kepada kenderaan Anda tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Tuntutan yang dibuat di bawah Seksyen A1a daripada Polisi ini untuk Kecurian telah dibayar sepenuhnya oleh Kami.

#### **ENDORSMEN Q004 - PENGANGKUTAN UNTUK KENDERAAN ROSAK (BUKAN TARIF)**

Had liabiliti Kami di bawah Seksyen A3 meningkat kepada amaun RM1,000.

## ENDORSMEN M019 - ELAUN PEMBAIKAN KEMALANGAN (BUKAN TARIFF)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami bagi endorsmen ini, Kami akan membayar elaun sebanyak RM3,000 sekiranya Kenderaan Anda diletakkan di bengkel pembaikan motor untuk dibaiki menurut tuntutan di bawah Seksyen A Polisi. Elaun ini hanya akan dibayar sekiranya Kenderaan Anda yang rosak diletakkan di bengkel untuk tempoh minimum empat (4) hari bekerja seperti yang disahkan oleh Ajuster dengan kos kelulusan membaiki minimum sebanyak RM5,000.

Sekiranya tuntutan dibuat, Anda mesti memberi Kami yang berikut:

- gambar Kenderaan Anda yang rosak termasuk gambar keseluruhan Kenderaan dan nombor pendaftaran Kenderaan; dan
- salinan laporan polis dan kad pendaftaran.

Kami tidak akan memotong sebarang Ekses bagi setiap tuntutan yang Kami setuju untuk bayar di bawah endorsmen ini dan Anda tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda.

Kami tidak akan membayar:

- jika tuntutan Anda hanya untuk cermin pecah; atau
- jika tuntutan Anda adalah untuk kecurian, kerugian sepenuhnya Kenderaan Anda atau di dalam proses "Beyond Economic Repair".

Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian premium tambahan yang Anda telah bayar kepada Kami jika Anda membatalkan endorsmen ini pada bila-bila masa.

Perlindungan ini akan terbatal secara automatik apabila tuntutan terhadap pengendorsan ini telah dijelaskan. Jika Anda mahu mendapatkan perlindungan berterusan, Anda perlu membeli perlindungan pengendorsan baru dan membayar premium tambahan kepada Kami.

## PROSEDUR ADUAN

Kami percaya Anda berhak untuk mendapat perkhidmatan yang berhemah, adil dan segera. Jika wujud sebarang keadaan yang menjadikan perkhidmatan Kami tidak menepati jangkaan anda, sila hubungi Kami menggunakan butir-butir hubungan di bawah dan memberikan Nombor Polisi/*Nombor Tuntutan* dan *Nama Orang yang Diinsuranskan*:

- Pertama, dengan jabatan atau orang yang Anda hubungi bila berurus dengan Kami untuk memaklumkan bagaimana Anda mahu masalah diselesaikan.
- Kedua, jika masalah tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan Anda, maka Anda boleh membuat aduan bertulis secara formal kepada Jabatan Khidmat Pelanggan Kami di:  
Talian Khidmat Pelanggan : 1-800-88-MSIG (6744)  
Faks : +603-2026 8086  
E-mel : myMSIG@my.msig-asia.com  
Laman Web : [www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)  
Alamat : Jabatan Perkhidmatan Pelanggan  
MSIG Insurance (Malaysia) Bhd  
Aras 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng,  
No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.
- Ketiga, jika Anda tidak berpuas hati dengan keputusan Kami, Anda boleh merujuk perkara tersebut kepada OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK) atau BANK NEGARA MALAYSIA menerusi BNMLINK atau BNMLINK:
  - OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK)**  
Tingkat 14, Blok Utama,  
Menara Takaful Malaysia,  
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Telefon : +603-2272 2811  
Faks : +603-2272 1577  
E-mel : enquiry@ofs.org.my  
Laman Web : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)
  - LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)**  
(*Pusat Perkhidmatan Pelanggan untuk dikunjungi*)  
Bank Negara Malaysia,  
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Telefon : 1-300-88-5465 (BNMTELELINK) atau  
+603 2174 1717 (untuk panggilan luar negara)  
Faks : +603-2174 1515

iii. **PUSAT HUBUNGAN (BNMTELELINK)**  
Jabatan LINK & Pejabat Wilayah  
Bank Negara Malaysia,  
P.O.Box 10922,  
50929 Kuala Lumpur.  
Telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Faks : +603-2174 1515  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Dengan memberikan Data Peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakan sebagaimana diuraikan di bawah:-

- a. Untuk memproses Data Peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan Kontrak Insurans.
- b. Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - i. Penyelaras yang berdaftar,
  - ii. Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans.
  - iii. Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
  - iv. ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
- c. Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen MSIG untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang kami mungkin dedahkan Data Peribadi anda, sila rujuk kepada Notis Privasi MSIG di [www.msig.com.my/privacy-notice/](http://www.msig.com.my/privacy-notice/) atau mengimbas Kod QR di bawah:



Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi Anda dengan menghubungi Jabatan Perkhidmatan Pelanggan Kami. Maklumat tersebut hanya diberikan selepas pengesahan. ‘Data Peribadi’ mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

## FASAL CUKAI

Anda dikehendaki membayar sebaran cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

**Nota: Jika terdapat konflik antara versi Inggeris yang digunakan dalam polisi ini dengan yang diterjemahkan di dalam Bahasa Malaysia, versi Inggeris akan digunakan.**